

MP Umno dakwa DAP mulakan rusuhan 13 Mei
The Malaysian Insider
01 Disember, 2011
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 1 Dis — Dakwaan Umno bahawa DAP parti anti-Melayu merebak ke Parlimen hari ini apabila seorang wakil rakyat mendakwa komponen Pakatan Rakyat itu yang memulakan rusuhan kaum 13 Mei 1969.

Bercakap di Dewan Rakyat, Ahli Parlimen Ipoh Timur Lim Kit Siang berkata, dakwaan Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam bahawa DAP parti anti-Melayu dan anti-Islam adalah satu pembohongan berbaur fitnah dan salah satu daripada beberapa ucapan berbentuk kebencian dibuat pada perhimpunan yang sedang berlangsung.

Bagaimanapun Ahli Parlimen Lenggong Datuk Shamsul Anuar Nasarah bangun dan mencelah pemimpin DAP itu dengan kuat menyerit "13 Mei, Ipoh Timur."

"Ia memang benar," katanya dengan merujuk kepada ucapan Muhyiddin yang merasmikan serentak tiga sayap kelmarin.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mp-umno-dakwa-dap-mulakan-rusuhan-13-mei/>